

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda undang-undang supaya syarikat insurans diperlukan bagi membayar pihak ketiga yang mengalami kerugian sungguhpun firma-firma profesional yang dilindungi oleh polisi insurans terlambat memberi notis kepada pihak syarikat insurans berkenaan tentang kerugian yang timbul.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, syarikat insurans akan menunaikan tuntutan yang

dikemukakan oleh pemegang polisi atau pihak ketiga sekiranya tuntutan tersebut berada di bawah skop perlindungan yang tertera dalam kontrak polisi insurans dan di dalam tempoh had masa enam tahun sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Had Masa 1953.

Keperluan untuk memberi notis awal mengenai insiden sedemikian adalah penting supaya masa yang berpatutan diberikan kepada syarikat insurans untuk menjalankan siasatan dan membuat penilaian liabiliti sesuatu tuntutan. Notis awal merupakan salah satu terma polisi insurans. Walau bagaimanapun, syarikat insurans akan tetap mempertimbangkan tuntutan yang dikemukakan sekiranya terdapat penjelasan yang munasabah daripada pemegang polisi tentang kelewatan tuntutan tersebut. Sekiranya pemegang polisi atau pihak ketiga tidak berpuas hati dengan penolakan tuntutan oleh syarikat insurans, mereka boleh menghubungi Bank Negara Malaysia untuk membuat laporan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN : 237

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat satu keputusan berkenaan dengan cadangan Kerajaan Negeri Perak untuk membina sebuah lapangan terbang antarabangsa di Bagan Serai, Perak dan apakah keputusannya.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan Kajian Kemungkinan Pembangunan Lapangan Terbang Baru di Utara Malaysia. Keputusan kajian ini akan memberikan panduan terhadap kebolehlaksanaan projek-projek pembangunan lapangan terbang di utara Malaysia termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baru di Perak.

Buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti dapatan hasil kajian tersebut.